

29 AUG 2002

Zainuddin-Nik Aziz

RTM SIAR KLIP VIDEO UCAPAN NIK AZIZ MENGENAI ALLAH SAMSENG ESOK

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan klip video ucapan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang mengaitkan Allah dengan samseng, malam esok.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, penyiaran ucapan itu akan dibuat dalam Berita Perdana jam 8 malam.

Beliau bagaimanapun berkata klip video ini tidak akan menyiarkan perkara-perkara lain yang disentuh Nik Aziz, kecuali dalam konteks tafsirannya mengenai Allah sebagai samseng.

"Dalam klip video ini juga, Datuk Nik Aziz menyatakan bahawa kerana kepercayaan kepada tafsiran itulah maka orang Melayu sokong Pas dan orang Melayu yang sokong Pas tidak jahat," katanya.

"Pihak Pas meminta supaya ucapan itu disiarkan sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Beliau berkata ucapan Nik Aziz itu berasaskan kepada video cakera padat (VCD) yang diedarkan di pasaran yang mengandungi ucapan pemimpin-pemimpin Pas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di Kota Bharu.

Selain Nik Aziz, turut berucap pada majlis yang sama ialah Bunyamin Yaakob yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton gambar lucah dan Abdul Razak Abas mengenai Memali, katanya.

"Pak Razak adalah seorang yang dituduh menyelak kain di Mahkamah (Majistret) di Alor Setar baru-baru," katanya.

-- BERNAMA

HK AHH ZB